

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI MOHAMAD (LIPIS)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 10.11.2014

Y.B. DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI MOHAMAD [LIPIS] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah terkini individu dan syarikat perniagaan yang telah mendaftar bagi Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) dan apakah tindakan bagi mereka yang ingkar.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sebanyak 125,216 syarikat telah mendaftar untuk pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST)

sehingga 5 November 2014. Jabatan Kastam juga telah mengambil langkah untuk memastikan perniagaan yang mencapai nilai ambang mendaftar seperti berikut:

1. Menghebahkan informasi berkaitan GST melalui media cetak dan media elektronik;
2. Mengeluarkan surat peringatan kepada bakal registran yang telah dikenal pasti melalui maklumat yang diperoleh bersumberkan data daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN);
3. Meminta semua pemegang lesen cukai jualan dan cukai perkhidmatan sedia ada untuk berdaftar dengan sistem GST;
4. Mengadakan Hari Terbuka GST atau Hari Bertemu Pelanggan; dan
5. Memperbanyakkan program pendaftaran *in-situ* di setiap taklimat GST yang diadakan.

Bagi syarikat yang telah menepati syarat untuk berdaftar, pendaftaran hendaklah dilakukan sebelum 31 Disember 2014. Jika tidak, peniaga telah melakukan kesalahan di bawah seksyen 184, Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 dan boleh didenda tidak melebihi RM30,000 atau pemiliknya boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun

atau kedua-duanya.